



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SESI LIBAT URUS BANCİ EKONOMI 2026 NEGERI SARAWAK

**Banci Ekonomi 2026: DOSM Sarawak Jejak Dinamika Industri dan
Perniagaan Sarawak melalui 83,463 Pertubuhan**

KUCHING, 24 JUN 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Sarawak hari ini telah menganjurkan Sesi Libat Urus Banci Ekonomi 2026 (BE2026) peringkat Negeri Sarawak bertempat di Dewan Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Dr. Malcom Mussen AK Lamoh, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak dan YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir bin Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia, serta dihadiri oleh lebih 200 peserta yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, persatuan industri, pertubuhan perniagaan dan usahawan di negeri Sarawak.

Sesi Libat Urus Banci Ekonomi 2026 ini merupakan platform penting untuk memperkukuh kerjasama strategik antara DOSM dan pemegang taruh utama di peringkat negeri bagi memastikan pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 dapat dijalankan dengan lancar, berkesan dan inklusif. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali ini merupakan banci keenam oleh DOSM sejak tahun 2001 dan sedang berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026 bertemakan "Data Nadi Ekonomi Rakyat". Banci ini akan meliputi lima sektor utama ekonomi iaitu Perkhidmatan, Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & Pengkuarian serta Pertanian.

Di peringkat nasional, lebih 1.4 juta pertubuhan akan diliputi dalam banci ini manakala di Sarawak, sebanyak 83,463 pertubuhan dijangka terlibat, menjadikan negeri ini antara penyumbang penting kepada struktur ekonomi negara. Daripada jumlah ini, sektor Perkhidmatan mencatatkan liputan tertinggi dengan sebanyak 68,748 pertubuhan (82.4%), diikuti oleh sektor Pembinaan sebanyak 8,852 pertubuhan (10.6%), Pembuatan sebanyak 3,710 pertubuhan (4.4%), Pertanian sebanyak 1,952

pertubuhan (2.3%) serta Perlombongan dan Pengkuarian sebanyak 201 pertubuhan (0.2%). Pecahan ini menunjukkan bahawa sektor perkhidmatan terus mendominasi struktur ekonomi negeri, selaras dengan trend peningkatan aktiviti perdagangan, pelancongan, logistik dan perniagaan digital di Sarawak.

BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang komprehensif daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara berasaskan bukti. Banci ini merangkumi pelbagai sektor ekonomi termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), pertubuhan perniagaan besar serta pertubuhan tidak berasaskan keuntungan bagi menyediakan maklumat berkaitan sumbangan ekonomi, produktiviti, pelaburan, guna tenaga, penggunaan teknologi serta tahap daya saing ekonomi negeri dan nasional. Statistik yang dijana melalui banci ini juga akan menjadi asas penting dalam penyusunan semula siri indikator ekonomi utama seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), indeks industri dan jadual input-output negara bagi menyokong perancangan pembangunan yang lebih tepat dan berkesan.

Berdasarkan dapatan Banci Ekonomi 2023, Sarawak telah merekodkan sebanyak 70,626 pertubuhan dengan jumlah output kasar sebanyak RM356.6 bilion dan nilai ditambah berjumlah RM165.4 bilion. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama bilangan pertubuhan dengan sumbangan sebanyak 89.8 peratus, diikuti oleh sektor Pembinaan 4.7 peratus, Pembuatan 3.7 peratus, Pertanian 1.7 peratus serta Perlombongan dan Pengkuarian sebanyak 0.2 peratus. Dari segi guna tenaga, seramai 624,361 orang pekerja telah terlibat dalam sektor ekonomi negeri dengan sektor Perkhidmatan menjadi penyumbang utama iaitu sebanyak 334,275 orang atau 53.5 peratus daripada jumlah keseluruhan. Pencapaian ini menunjukkan struktur ekonomi Sarawak yang kukuh dan berdaya tahan dengan kepelbagaian sektor yang menjadi pemacu utama pertumbuhan negeri.

Dari sudut prestasi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) 2024, Sarawak terus menunjukkan kekuatan sebagai antara penyumbang utama kepada ekonomi Malaysia dengan sumbangan sebanyak 9.0 peratus kepada KDNK negara. Nilai KDNK negeri mencecah RM148.2 bilion, dipacu terutamanya oleh sektor Perkhidmatan (38.6%), diikuti Pembuatan (25.8%) dan Perlombongan & Pengkuarian (21.0%). Momentum pertumbuhan ini membuktikan keupayaan Sarawak mengekalkan daya saing ekonomi yang kukuh serta kepelbagaian sektor yang mapan. Pelaksanaan Banci Ekonomi

2026 akan menyediakan data struktur ekonomi yang lebih menyeluruh untuk menyokong perancangan strategik negeri serta memperkukuh pelaburan berimpak tinggi di masa hadapan.

Pelaksanaan BE 2026 di Sarawak turut diselaraskan dengan aspirasi Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030 yang digariskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak ke arah mencapai status negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030 melalui inovasi dan penggunaan data berasaskan bukti. Enam sektor utama yang menjadi tumpuan dalam strategi pembangunan negeri iaitu Pembuatan, Pertanian Komersial, Pelancongan, Perhutanan, Perlombongan serta Perkhidmatan Sosial dijangka mendapat manfaat langsung daripada hasil banci ini yang akan menyediakan data terperinci mengikut sektor dan daerah. Maklumat ini akan digunakan sebagai input penting dalam memperkukuh dasar pembangunan negeri, menarik pelaburan berimpak tinggi, memperluas penyertaan industri tempatan serta meningkatkan produktiviti sektor PMKS di seluruh Sarawak.

Banci Ekonomi 2026 juga akan menggunakan *Malaysia Standard Industrial Classification* (MSIC) 2025 yang diperkenalkan bagi menggantikan MSIC 2008. Klasifikasi baharu ini disemak semula untuk mencerminkan perubahan landskap ekonomi global termasuk kemunculan sektor-sektor baharu berasaskan inovasi, ekonomi digital, tenaga lestari dan teknologi maklumat. Pendekatan pengumpulan data banci ini turut ditambah baik dengan penggunaan pelbagai kaedah termasuk pengisian borang atas talian (e-BE), penghantaran melalui pos, panggilan telefon, e-mel dan temu bual bersemuka bagi memastikan capaian maksimum serta ketepatan maklumat yang dikumpul.

Dalam ucapan beliau, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menegaskan bahawa pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 bukan sekadar satu proses pengumpulan data, tetapi satu inisiatif strategik negara bagi membentuk gambaran sebenar landskap ekonomi Malaysia. Beliau menekankan bahawa penyertaan menyeluruh daripada komuniti perniagaan amat penting bagi memastikan data yang diperoleh adalah tepat, komprehensif dan boleh dipercayai. Menurut beliau, statistik yang dihasilkan kelak akan menjadi asas kukuh kepada perancangan dasar pembangunan ekonomi negara serta penambahbaikan ekosistem perniagaan yang lebih berdaya saing, mampan dan inklusif. Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan

semua pihak berkepentingan atas komitmen berterusan dalam menjayakan pelaksanaan BE 2026.

Beliau menambah bahawa Banci Ekonomi 2026 memainkan peranan penting dalam menilai keberkesanan dasar semasa dan membantu kerajaan dalam mengenal pasti potensi baharu pertumbuhan ekonomi di peringkat nasional dan negeri. Statistik yang diperoleh bukan sahaja memberi manfaat kepada kerajaan dalam aspek perancangan dasar tetapi juga kepada komuniti perniagaan, pelabur dan penyelidik dalam membuat keputusan yang lebih berinformasi dan berpandukan data. Justeru, kerjasama erat antara DOSM, agensi kerajaan negeri, pertubuhan perniagaan dan masyarakat awam amat diperlukan bagi memastikan data yang dikumpulkan benar-benar menggambarkan situasi sebenar ekonomi negara dan Sarawak khususnya.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEGERI SARAWAK
24 JUN 2026